

28 JAN 2003

Abdullah-Umno

PEMIMPIN UMNO PERLU AKUR SEBARANG KEPUTUSAN PARTI

PUTRAJAYA, 28 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata para pemimpin Umno perlu akur dengan sebarang keputusan kepimpinan parti dan tidak menentang sekiranya diminta berundur.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden Umno itu berkata perkara ini perlu diberi perhatian oleh anggota Umno kerana sebelum ini telah berlaku kejadian anggota menentang parti apabila tidak lagi dipilih menjadi pemimpin.

"Sudah berlaku dalam Umno sebelum ini apabila seseorang itu tidak dikehendaki, dia membantah, dia buat macam-macam lagi, dia menentang parti," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Abdullah menegaskan bahawa apabila seseorang anggota Umno berkata beliau akan serahkan kepada kepimpinan parti untuk membuat keputusan, beliau hendaklah patuh kepada sebarang keputusan yang telah ditetapkan.

"Kita mesti ada prinsip, prinsipnya ialah serah kepada pemimpin dan akur kepada keputusan yang dibuat," katanya semasa diminta mengulas perkembangan kebelakangan ini apabila beberapa pemimpin Umno "menawarkan diri" untuk meletak jawatan bagi memberi peluang kepada muka baru sekiranya dikehendaki oleh kepimpinan Umno.

Antara yang menawarkan diri adalah Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan yang terbaru Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

"Kalau orang nak pergi macam mana, takkan kita nak larang...kalau (dia) tak nak pergi pun payah juga nak larang," katanya.

Ahad lepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad se kembalinya dari lawatan kerja ke luar negara dilaporkan menyambut baik keputusan beberapa pemimpin Umno untuk berundur dan tidak bertanding pilihan raya umum akan datang kerana ia akan memberi peluang kepada penggantinya, Abdullah, untuk "mengatur semula segala-galanya".

Abdullah berkata ia merupakan pandangan Perdana Menteri dan katanya: "kita tengoklah siapa yang akan ikut cakap Perdana Menteri, tapi (sekiranya) jawatan kosong, tentulah ia akan diisikan, tak boleh tunggu lama-lama."

-- BERNAMA
AZH AHH RON